

UMS makin serius kaji mamalia marin

KOTA KINABALU, Jumaat – Universiti Malaysia Sabah (UMS) semakin serius menjalankan penyelidikan habitat mamalia marin, khususnya di Sabah, kata Timbalan Naib Canselornya (Penyelidikan dan Pembangunan), Prof Dr Kamarulzaman Ampon.

Menurutnya, ini kerana kawasan seperti di Sandakan, Semporna, Pulau Sipadan dan Mabul serta beberapa tempat di Bahagian Pantai Barat sering dilaporkan kelihatan mamalia marin.

"Penyelidikan itu perlu dilakukan kerana setakat ini, belum ada kajian lanjut mengenai habitat sebenar mamalia itu yang meliputi ikan lumba-lumba, dugong dan paus, dilakukan di negara ini," katanya.

Beliau berucap ketika menutup Bengkel Latihan Penyelidikan dan Pengurusan Mamalia Marin dan Jerung Paus Malaysia di Pulau Manukan,

dekat sini, petang semalam.

Bengkel selama empat hari berakhir semalam, dihadiri 33 peserta meliputi kakitangan agensi kerajaan berkaitan, universiti tempatan serta pertubuhan bukan kerajaan.

Hadir sama Ketua Unit Penyelidikan Marin Borneo UMS, Prof Madya Dr Ridzwan Abdul Rahman; Pengarah Hidupan Liar Sabah, Maadi Andau; Timbalan Pengarah Taman-taman Sabah, Francis Yew, serta Pengurus Projek Dana Hidupan Liar (WWF) Filipina, Andrew Yaptinchay.

Dr Kamarulzaman berkata, sehubungan itu berharap mendapat kerjasama daripada semua agensi berkaitan untuk memastikan penyelidikan itu berjaya dilaksanakan.

Menurutnya, sehingga kini masih terdapat masalah yang membabitkan kejadian manusia memburu mamalia berkenaan walaupun ia dilindungi.